

BAHAGIAN PELESENAN

SYARAT-SYARAT AM BAGI KELULUSAN LESEN STOR / SIMPANAN / GUDANG BARANG-BARANG MERBAHAYA (MBB)

BIL	PERKARA
1.	Lokasi hendaklah dikawasan atau di zon perindustrian atau tempat selamat yang jauh daripada tempat kediaman dan pekerjaan.
2.	Tapak itu hendaklah berpagar dan berkunci serta dipasang papan tanda amaran seperti “mudah terbakar”, “dilarang masuk tanpa urusan / kebenaran” serta nama jenis bahan yang disimpan.
3.	Mengemukakan ‘material safety data sheet’ kepada Unit Kesihatan MDKS untuk kelulusan.
4.	Dinding tempat simpanan hendaklah jenis konkrit yang disudahi bahan kalis air serta bewarna ringan.
5.	Lantai jenis konkrit “heavy duty” seperti “floor hardener” “epoxy” bewarna ringan.
6.	Aktiviti-aktiviti merbahaya seperti kimpalan, semburan cat, mengetuk badan kereta, memasak dan sebagainya tidak dibenarkan dijalankan ditempat peng storan / simpanan barang-barang merbahaya.
7.	Menyediakan tandas lelaki dan perempuan secara berasingan untuk orang awam dan pekerja.
8.	Menyediakan locker dan bilik rehat untuk pekerja.
9.	Mengadakan parit yang sempurna jenis ‘glazed invert’.
10.	Mengadakan alat pencegahan kebakaran yang diluluskan oleh Jabatan Bomba.
11.	Menyediakan peti rawatan kecemasan yang lengkap dan sempurna.
12.	Menyediakan pusat pembuangan sampah dan bahan buangan toksik dan tong-tong sampah yang sempurna dan mencukupi.
13.	Mendapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Bomba.
14.	Mengemukakan nama-nama pembekal semua bahan-bahan tersebut untuk semakan Unit Pelesenan.
15.	Mengadakan garisan kuning keselamatan yang sempurna.
16.	Dilarang membuang bahan-bahan toksik (terjadual) ke dalam longkang awam tanpa rawatan atau ke dalam system pembentungan.